



**HAJI DAN UMRAH
(RUKUN HAJI DAN UMRAH)**

HARI : _____
TARIKH: _____

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Pilih jawapan yang tepat bagi tiap-tiap soalan.

Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

1. Pernyataan di atas ialah pengertian
A. haji
B. miqat
C. umrah
D. tawaf

Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

2. Pernyataan di atas ialah pengertian
A. haji
B. miqat
C. umrah
D. tawaf
3. Apakah hukum mengerjakan haji kali pertama bagi yang berkemampuan dan mencukupi syarat?
A. Makruh
B. Wajib
C. Sunat
D. Harus
4. Ibadat haji yang diwajibkan ke atas umat Islam yang mukallaf seumur hidupnya hanyalah _____
A. beberapa kali
B. selang setahun
C. sekali
D. berdasarkan kemampuan
5. Hukum mengerjakan ibadat haji kali kedua ialah _____
A. harus
B. sunat
C. wajib
D. makruh

6. Berikut ialah termasuk bulan-bulan haji **kecuali**
A. Syawal
B. Zulhijjah
C. Ramadan
D. Zulkaedah
7. Manakah antara berikut tidak termasuk syarat-syarat wajib haji?
A. Islam
B. Baligh
C. Mumaiyiz
D. Merdeka
8. Antara ciri-ciri berkemampuan dalam ibadah haji termasuklah
I. Sihat tubuh badan
II. Memiliki ilmu pengetahuan yang cukup
III. Perjalanan pergi dan balik tidak selamat
IV. ada kenderaan pergi dan balik
A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV
9. Pernyataan berikut merupakan maksud rukun haji
A. Perkara yang sunat dilakukan, boleh ditinggalkan jika tiada kesempatan
B. Perkara yang wajib dikerjakan, jika tertinggal salah satu hajinya batal
C. Perkara yang wajib dikerjakan, jika tertinggal haji sah dan tidak dikenakan dam
D. Perkara yang wajib dikerjakan, jika tertinggal haji sah dan dikenakan dam
10. Berikut adalah perkara rukun haji **kecuali**
A. saie
B. wukuf
C. melontar jamrah
D. tawaf
11. Waktu mustajab untuk berdoa ketika mengerjakan ibadat haji dan umrah
A. Wukuf
B. Melontar jamrah
C. Tawaf
D. Saie

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

12. Berikut adalah masa untuk berniat ihram haji


- A. 1 Ramadan – 10 Zulkaedah
- B. 1 Syawal – 10 Zulkaedah
- C. 1 Syawal – 10 Zulhijjah
- D. 1 Ramadan – 10 Zulhijjah

13. Waktu wukuf di padang Arafah ialah

- A. 9 Zulhijjah
- B. 10 Zulhijjah
- C. Hari tasyrik
- D. 8 Zulhijjah

14. Antara yang berikut yang manakah dilakukan untuk mengingati peristiwa Siti Hajar dan Nabi Ismail

- A. Tawaf
- B. Bermalam di Mina
- C. Saie
- D. Wukuf



15. Namakan amalan ibadat haji di atas

- A. Bercukur
- B. Saie
- C. Tawaf
- D. Wukuf

Membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram

16. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Bergunting
- B. Tahallul
- C. Tertib
- D. Rukun

17. Tahallul terbahagi kepada dua iaitu

- A. tahallul awal dan tahallul thalith
- B. tahallul awal dan tahallul akhir
- C. tahallul awal dan tahallul thani
- D. tahallul awal dan tahallul Safi

18. Tahallul awal boleh dilaksanakan oleh Jemaah haji apabila melaksanakan dua daripada ibadah berikut:

- I. Melontar ketiga-tiga jamrah
- II. Melontar jamratul kubra
- III. Tawaf dan saie
- IV. Bermalam di Mina

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

19. Berikut adalah hikmah ibadat haji dan umrah terhadap masyarakat **kecuali**

- A. dapat berkenalan sesama umat Islam
- B. menyatupadukan umat Islam seluruh dunia
- C. mempertingkatkan ekonomi umat Islam
- D. memperbaharui ikrar keimanan kepada Allah SWT

20. Pilih kesan ibadat haji dan umrah kepada individu

- I. meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT
 - II. dapat melihat tempat-tempat bersejarah
 - III. memperkasa ekonomi umat Islam
 - IV. menyatupadukan umat Islam di seluruh dunia
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV